

Headline	TNB fokus isu pengguna		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Jun 2019	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	14
ArticleSize	357 cm ²	Journalist	Idris Musa
PR Value	RM 42,191		



AMIR Hamzah (tengah) melayan tetamu pada Majlis Mesra Aidilfitri TNB di Dewan Segaguna Kompleks Sukan TNB.



Idris Musa
idris@hmetro.com.my

TNB fokus isu pengguna

Kuala Lumpur

Tenaga Nasional Berhad (TNB) memberi tumpuan sepenuhnya dalam menyelesaikan semua aduan diterima termasuk melakukan siasatan terperinci berhubung isu bil elektrik tinggi dihadapi pengguna.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Amir Hamzah Azizan berkata, fokus beliau buat masa ini adalah untuk menyelesaikan isu berkaitan pengguna itu.

“Setakat yang saya lihat semalam (kelmarin), kita dapat dalam 18,600 aduan dan pertanyaan. Pasukan kita telah menyelesaikan lebih daripada 15,000 aduan. Alhamdulillah ada kemajuan.

“Jadi, sampai kita dah ha-

■ Syarikat pembekal tenaga elektrik sudah selesaikan 15,000 aduan orang ramai

bis selesaikan semua orang, kita masih fokus nak menyimpulkan siasatan.

“Kita perlu fahami apa isu sebenar dan macam mana nak memantau agar tidak berulang balik. Itu fokus saya,” katanya pada Majlis Mesra Aidilfitri TNB, semalam.

Harian Metro melaporkan syarikat pembekal tenaga elektrik utama negara itu akan dikenakan penalti oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) selepas didapati melakukan beberapa kesalahan dan ke-

tidakpatuhan menyediakan perkhidmatan utiliti kepada pengguna.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Yeo Bee Yin dilaporkan berkata, ST sedang menyenaraikan jumlah kesalahan dilakukan TNB sebelum mengumumkan penalti yang perlu dibayar syarikat itu.

Katanya, siasatan mendapati TNB melakukan kesalahan kerana tidak menepati prestasi perkhidmatan piau-

wai ditetapkan kementerian dalam menyediakan perkhidmatan elektrik.

Ditanya berhubung tindakan penalti itu, Amir Hamzah berkata, buat masa ini beliau belum melihat perkara berkenaan.

“Yang penting untuk kita selesaikan masalah yang kita ada ni dulu. Kita berkhidmat untuk pengguna, (itu) yang paling pentinglah,” katanya yang turut menjelaskan TNB selalu bekerjasama dengan ST.